

**KEPATUHAN SYARIAH DALAM INDUSTRI KOSMETIK HALAL:
SATU ANALISIS KONSEPTUAL TERHADAP KEPRIHATINAN
DAN PENGETAHUAN WANITA MUSLIM**

***SHARIAH COMPLIANCE IN THE HALAL COSMETICS INDUSTRY: A
CONCEPTUAL ANALYSIS OF THE CONCERNS AND KNOWLEDGE
OF MUSLIM WOMEN***

Nur Bahirah Baharum*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,
KM 8 Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang, Malaysia

Ruzita Manshor

Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA,
UiTM Selangor Branch, Kampus Puncak Alam,
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Corresponding Author's Email: nurbahirah6@gmail.com*

Article History:

Received : 21 July 2025

Accepted : 20 August 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Baharum, N. B. & Manshor, R. (2025). Kepatuhan Syariah Dalam Industri Kosmetik Halal: Satu Analisis Konseptual Terhadap Keprihatinan dan Pengetahuan Wanita Muslim. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 33-43.

ABSTRAK

Keprihatinan wanita Muslim terhadap kosmetik halal semakin meningkat seiring dengan kesedaran terhadap kepentingan pematuhan syariah dalam penggunaan produk kecantikan. Dalam era globalisasi dan peningkatan kesedaran terhadap kepatuhan syariah dan pemilihan produk kosmetik yang halal semakin mendapat perhatian khusus, terutama dalam kalangan pengguna wanita Muslim. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan wanita muslim terhadap kosmetik halal yang telah dijalankan oleh penyelidik yang lepas. Kajian ini juga menggunakan metod kualitatif melalui tinjauan literatur daripada kajian sebelum ini. Garis panduan kosmetik juga dibincangkan bagi mengetahui status halal dalam produk industri. Selain itu, kajian ini juga akan memperjelaskan penentuan hukum produk kosmetik menurut syariah. Oleh yang demikian, kajian ini membuktikan bahawa

kosmetik diharuskan dalam Islam selagi mana bukan daripada unsur yang tidak halal dan memudaratkan.

Kata kunci: kosmetik halal, wanita muslim, hukum, syariah

ABSTRACT

Muslim women's concern about halal cosmetics is increasing in line with growing awareness of the importance of Shariah compliance in the use of beauty products. In the era of globalization, awareness of Shariah-compliant choices and the selection of halal cosmetic products is gaining significant attention, particularly among Muslim women consumers. The purpose of this study is to identify the level of knowledge Muslim women have about halal cosmetics, based on previous research findings. This study employs a qualitative method through a literature review of prior studies. Cosmetic guidelines are also discussed to determine the halal status of products in the industry. In addition, this study aims to clarify the Shariah rulings regarding the permissibility of cosmetic products. The findings indicate that the use of cosmetics is permissible in Islam if the products do not contain non-halal or harmful elements.

Keywords: *halal cosmetics, Muslim women, rulings, Shariah*

1.0 PENGENALAN

Peningkatan populariti kosmetik halal telah mendorong pengguna untuk membentuk pilihan baharu yang selaras dengan nilai agama dan etika mereka. Walau bagaimanapun, kekurangan produk kosmetik halal di pasaran telah menyebabkan pengguna Muslim terpaksa bergantung kepada kosmetik tidak halal yang dihasilkan oleh syarikat bukan Muslim. Situasi ini menimbulkan cabaran kepada industri bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna Muslim. Oleh itu, sijil halal bagi setiap produk memainkan peranan penting dalam memastikan pengguna Muslim dapat menggunakan kosmetik yang bebas daripada bahan haram dan mematuhi syariah.

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab dalam memberikan sijil halal terhadap produk kosmetik bagi memenuhi syarat yang ditetapkan. Menurut kajian Nordin & Wan Mohamed Radzi (2021), kosmetik halal yang memperolehi pensijilan daripada Bahagian Halal Jakim tertakluk kepada peraturan barangan kosmetik halal di Malaysia adalah di bawah piawaian Malaysia iaitu MS 2200:2008 dan Manual Prosedur Pensijilan Halal. Sehubungan dengan itu, proses untuk mendapatkan pensijilan ini merangkumi penilaian menyeluruh antaranya sumber bahan, kaedah pemprosesan, tahap keselamatan produk, serta elemen etika pengeluaran bagi memastikan pematuhan tersebut memenuhi standard halal yang ditetapkan.

Selain itu, kosmetik halal yang dihasilkan selaras dengan prinsip dan perundangan Islam, khususnya dengan memastikan bahawa setiap bahan yang digunakan adalah halal serta bebas daripada sebarang unsur yang haram atau

syubhah. Kajian yang dijalankan oleh Mustapha & Junoh (2022) membahaskan terdapat elemen-elemen yang perlu dititikberatkan dalam produk kosmetik seperti lemak atau dengan nama lain gliserin, *stearic acid*, *palmitate acid* dan lain-lain di mana kebiasaannya diambil daripada haiwan yang halal, yang tidak disembelih atau haram. Namun, tidak dinafikan terdapat haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak adalah dikategorikan halal. Justeru itu, syariah menetapkan bahawa kosmetik halal tidak boleh mengandungi bahan haram, seperti alkohol dan produk haiwan yang tidak disembelih mengikut peraturan Islam (Baharum et al., 2020). Oleh itu, pematuhan terhadap piawaian halal memastikan bahawa produk kosmetik adalah dibenarkan untuk digunakan oleh pengguna Muslim di Malaysia.

Kepelbagaian kosmetik semasa memerlukan penilaian hukum bagi memastikan produk kosmetik halal dan selamat untuk digunakan. Berdasarkan kajian Ab Hamid & Hassim (2019) membahaskan syariah telah menetapkan beberapa garis panduan yang membenarkan wanita Muslim menggunakan produk kosmetik dengan tujuan untuk berhias dan memperbaiki penampilan diri antaranya; i) produk kosmetik digunakan untuk tujuan memperelokkan wajah dan menyenangkan hati suami, ii) produk kosmetik yang digunakan mestilah dari sumber yang halal dan iii) tabbarruj atau berlebih-lebihan dalam menghias diri. Di samping itu, pemilihan produk kosmetik yang halal, bersih dan selamat seharusnya menjadi keutamaan bagi setiap wanita Muslim. Oleh hal yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang pengetahuan kosmetik halal dan garis panduan penggunaan kosmetik serta penentuan hukum produk kosmetik menurut syariah.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis dokumen, yang bertujuan untuk meneliti secara mendalam dokumen-dokumen rasmi, sumber ilmiah dan data sekunder yang berkaitan dengan pengetahuan wanita Muslim serta penentuan hukum kosmetik menurut perspektif syariah. Reka bentuk ini dipilih berdasarkan keperluan untuk memahami konteks sosial dan keagamaan yang bersifat subjektif dan kompleks, yang tidak dapat diukur secara kuantitatif tetapi memerlukan interpretasi terhadap makna dan prinsip yang terkandung dalam dokumen serta wacana ilmiah.

Rujukan kepada reka bentuk ini turut disokong oleh pendapat Cresswell (2013) yang menegaskan bahawa pendekatan kualitatif sesuai digunakan apabila objektif kajian adalah untuk meneroka makna mendalam, struktur nilai dan persepsi terhadap sesuatu fenomena yang tidak boleh dinilai melalui statistik semata-mata.

2.2 Kaedah Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini dikumpulkan sepenuhnya melalui kaedah analisis dokumen, yang melibatkan proses sistematik dalam mengenal pasti, memilih, menilai dan menganalisis pelbagai bentuk sumber bertulis yang relevan dan berkaitan langsung dengan topik kajian. Sumber dokumen yang digunakan dibahagikan kepada dua

kategori utama, iaitu dokumen rasmi dan perundangan, serta literatur dan sumber sekunder.

Bagi kategori pertama, dokumen rasmi yang dianalisis termasuk Garis Panduan Pensijilan Halal yang diterbitkan oleh Bahagian Hub Halal JAKIM. Dokumen ini penting kerana ia menggariskan prosedur dan syarat-syarat pensijilan halal yang turut merangkumi produk kosmetik, terutamanya berkenaan kandungan bahan ramuan yang digunakan, pemprosesan, penyimpanan dan pelabelan. Panduan ini menjadi rujukan utama dalam memahami bagaimana hukum syariah diaplikasikan dalam industri kosmetik halal di Malaysia.

Selain itu, Garis Panduan Keselamatan dan Pendaftaran Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) turut dianalisis. Dokumen ini memperincikan keperluan dan larangan penggunaan bahan dalam produk kosmetik dari sudut kawal selia negara, termasuk bahan-bahan yang dilarang, dos maksimum bahan aktif, serta prosedur pendaftaran produk kosmetik di pasaran tempatan. Ini memberikan kefahaman terhadap bagaimana aspek keselamatan pengguna dititikberatkan sejajar dengan prinsip syariah.

Turut dikaji ialah dokumen-dokumen fatwa dan garis panduan syariah yang berkaitan dengan penggunaan bahan-bahan tertentu dalam kosmetik seperti alkohol, gelatin, kolagen dan bahan daripada haiwan yang berkemungkinan tidak disembelih mengikut hukum Islam. Dokumen-dokumen ini dianalisis untuk memahami penentuan hukum dan perbezaan pandangan fiqh berkaitan isu ini.

Kategori kedua pula melibatkan literatur dan sumber sekunder seperti artikel-artikel jurnal akademik yang membincangkan tahap pengetahuan dan kesedaran pengguna Muslim terhadap isu kosmetik halal. Penyelidikan-penyelidikan terdahulu yang mengkaji persepsi wanita Muslim terhadap penggunaan produk kosmetik dalam konteks pematuhan syariah turut dianalisis bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif. Di samping itu, laman sesawang rasmi seperti JAKIM, NPRA, dan institusi fatwa negeri dan kebangsaan menjadi sumber maklumat sokongan yang menyediakan kenyataan dasar, kenyataan rasmi atau kemas kini perundangan yang berkaitan dengan hukum kosmetik.

Pemilihan semua dokumen ini adalah berdasarkan tahap kesahihan dan kebolehpercayaan sumber, kredibiliti institusi penerbit seperti agensi kerajaan dan institusi penyelidikan yang diiktiraf, serta kesesuaian kandungan dengan objektif kajian. Dengan itu, pengumpulan data yang sistematik dan berfokus ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh dan sahih berkenaan isu hukum kosmetik dalam kalangan wanita Muslim di Malaysia.

3.0 PENGETAHUAN WANITA MUSLIM TERHADAP KOSMETIK HALAL

Kosmetik halal memainkan peranan penting untuk memastikan pematuhan dari prinsip syariah dalam penjagaan diri harian. Dalam era globalisasi dan perkembangan industri kosmetik yang pesat, kesedaran terhadap status halal produk kosmetik menjadi semakin penting, khususnya dalam kalangan wanita Muslim. Menurut Tajuddin et al. (2023), pengetahuan tentang kosmetik halal dalam kalangan umat Islam di Malaysia telah meningkat hasil daripada kemajuan teknologi dan pendidikan. Kesedaran ini amat penting bagi mengelakkan penggunaan produk yang

mengandungi bahan tidak halal, sekali gus mencerminkan peningkatan permintaan pengguna terhadap kosmetik yang diperakui halal di pasaran.

Ambo & Sapir (2020) menjelaskan bagi mengukur pengetahuan individu dalam kosmetik halal perlulah mengetahui sejauhmana Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) yang mana merupakan salah satu agensi yang mengawal selia kualiti, efikasi dan keselamatan produk kosmetik. Seseorang individu juga perlu mengetahui isu-isu dalam industri kosmetik dan cara untuk memeriksa status halal bagi sesuatu produk (Ambo & Sapir, 2020). Sehubungan dengan itu, pengetahuan kosmetik halal perlu mengetahui standard, pensijilan dan peraturannya. Menurut Hashim & Mat Hashim (2013) menjelaskan, bagi mendapatkan pensijilan halal adalah dibawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu produk mestilah memenuhi keperluan Standard Malaysia MS 2200:2008 dan Manual Prosedur Pensijilan Halal yang mana menekankan pemeriksaan dan pengauditan.

Kajian Rahayu & Isa (2023) membuktikan bahawa pengetahuan mengenai halal dan haram ini bukan sahaja dapat membantu pengguna membuat pilihan yang selari dengan prinsip syariah, malah turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan kepatuhan terhadap amalan penggunaan produk halal dalam kehidupan seharian. Berdasarkan kajian Abd Rahman & Zakaria (2019a), kesedaran tentang halal ini dilihat semakin meningkat, maka dengan adanya standard yang khusus bagi kosmetik halal, penggunaan bahan ramuan dan pengkhususan bagi kosmetik halal adalah lebih spesifik. Dalam MS2200-1: 2008, keperluan asas mesti dipenuhi oleh industri kosmetik sebelum mendapat sijil halal. Ini kerana dipenuhi bersama MS2200- 1: 2008 seperti *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia dan Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice*. Justeru, industri kosmetik yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam MS2200-1: 2008 mampu menghasilkan produk kosmetik halal yang diiktiraf JAKIM sekali gus mendapat pensijilan halal (Abd Rahman & Zakaria, 2019b).

Pengetahuan yang kukuh mengenai kehalalan sesuatu produk membantu meningkatkan keyakinan pengguna untuk memilih produk yang selari dengan prinsip syariah serta menolak produk yang diragui status halalnya. Sikap pengguna turut memberikan impak yang signifikan terhadap perilaku pembelian. Oleh hal yang demikian, sikap positif dan kesedaran yang tinggi terhadap pentingnya memilih produk yang halal akan meningkatkan kecenderungan pengguna untuk terus menyokong dan menggunakan kosmetik halal (Idaman et al., 2024).

Di samping itu kajian Zakaria et al. (2022) mengenal pasti tahap kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan staf UiTM mengenai produk kosmetik halal, dengan menekankan kepentingan memahami status halal, pematuhan terhadap keperluan Islam, serta keperluan untuk berwaspada dalam pemilihan produk kosmetik. Lantaran itu, kajian ini disokong oleh Omar et al., (2022) dengan menjelaskan bahawa kempen kesedaran perlu dijalankan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai kosmetik halal dalam kalangan belia Muslim di Sarawak.

4.0 GARIS PANDUAN KOSMETIK HALAL

Kajian yang dijalankan oleh Zahari (2022) menjelaskan terdapat garis panduan khusus yang dirangka bagi produk kosmetik, iaitu *ASEAN Cosmetic Claims*

Guidelines, bertujuan memberikan panduan jelas kepada pengguna dalam mengenal pasti tuntutan yang dibenarkan ke atas sesuatu produk kosmetik. Garis panduan ini merangkumi tiga aspek utama iaitu: (i) kandungan bahan dalam produk, (ii) bahagian atau anggota badan yang menjadi sasaran penggunaan, dan (iii) fungsi utama produk tersebut. Justeru itu, kepatuhan terhadap garis panduan ini adalah penting kerana ianya memberi manfaat kepada pengguna dari segi penyediaan bukti yang sahih sama ada melalui formulasi mahupun proses penghasilan sesuatu produk kosmetik.

Lantaran itu, Ab Hamid & Hassim (2019) menegaskan bahawa pengguna Islam perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas mengenai status halal produk kosmetik yang digunakan, agar selaras dengan prinsip syariah serta mematuhi piawaian Standard Halal Malaysia di bawah Jakim, iaitu MS2200: Bahagian 1:2008 – Barang Gunaan untuk Orang Islam: Kosmetik dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum. Piawaian ini digubal bagi menyediakan peraturan asas berkaitan produk kosmetik dan dandanan diri, yang merangkumi tiga aspek utama: (i) kosmetik dan dandanan diri, (ii) kosmetik dan dandanan diri halal, serta (iii) pemprosesan, pengendalian dan pengedaran produk. Pematuhan terhadap garis panduan ini amat penting dalam menjamin pemeliharaan prinsip halal sepanjang rantai bekalan, di samping memastikan keyakinan wanita terhadap keselamatan dan integriti produk.

Menerusi Garis Panduan Amalan Pengedaran Baik (2013) di bawah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia menjelaskan kosmetik adalah apa-apa bahan atau persediaan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh badan manusia (kulit, rambut, kuku, bibir dan organ genital luaran) atau pada gigi dan membran mukus rongga mulut dengan tujuan semata-mata atau untuk membersihkan, mewangikan, mengubah penampilan atau menghilangkan bau, melindungi atau menjaganya dalam keadaan yang baik. Oleh itu, produk kosmetik yang dipasarkan adalah keperluan bagi wanita-wanita Islam yang mengalami masalah-masalah tertentu.

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (*National Pharmaceutical Regulatory Agency*, NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan setiap produk kosmetik yang dikemukakan untuk pasaran tempatan memenuhi keperluan kualiti dan keselamatan yang ditetapkan. Penekanan turut diberikan terhadap pematuhan kepada prinsip halal tayyiban, iaitu bukan sahaja halal dari sudut syariah, tetapi juga selamat, bersih dan berkualiti tinggi untuk kegunaan pengguna (Abd Rahman & Zakaria, 2019b). Hal ini menunjukkan bahawa aspek keselamatan dan keberkesanan produk perlu seiring dengan prinsip keagamaan, terutamanya dalam konteks pengguna wanita Islam.

Di samping itu, produk kosmetik bukan sahaja digunakan secara luaran, malah ada dalam bentuk jus atau minuman segera. Berdasarkan kajian Isa et al. (2023), menjelaskan ketetapan yang dikeluarkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), sebarang produk yang diminum atau dimakan, tidak boleh diklasifikasikan sebagai produk kosmetik. Sebaliknya, produk tersebut perlu dikategorikan di bawah suplemen kesihatan, produk tradisional atau makanan. Hal ini menunjukkan bahawa produk kosmetik masih bersifat umum dan cenderung menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna wanita Islam, terutamanya

apabila tiada garis pemisah yang jelas antara kategori kosmetik dan produk kesihatan.

Di Malaysia, kawalan terhadap produk kosmetik tertakluk di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 bagi memastikan keselamatan, kualiti serta ketepatan tuntutan produk kosmetik yang dipasarkan. Peraturan ini dirangka bagi memastikan setiap tuntutan yang dibuat oleh pengeluar kosmetik dapat disokong dengan data saintifik yang mencukupi. Ini adalah penting dalam usaha untuk melindungi dan memelihara kesihatan awam secara menyeluruh (Mustapha & Junoh, 2022).

5.0 PENENTUAN HUKUM PRODUK KOSMETIK MENURUT SYARIAH

Kosmetik halal perlulah mematuhi hukum syarak bagi memastikan bahan-bahan terutama enzim yang digunakan adalah daripada sumber yang halal. Enzim yang berasal daripada babi atau haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak adalah dilarang, maka penggunaan enzim yang berasal daripada tumbuhan atau mikroorganisma adalah diperlukan untuk mendapatkan pensijilan halal (Dwicesaria et al., 2024). Sebagaimana kajian (Abdullah & Ahmad, 2018) membahaskan hukum penggunaan plasenta dalam produk kosmetik melalui jumbuh ulama telah bersepakat bahawa plasenta yang diambil daripada haiwan ketika hidup adalah najis. Namun perkara ini telah termaktub dalam fatwa yang diputuskan oleh Lajnat al-Ifta dengan kerjasama Mufti Besar Jordan; Sheikh Abdul Karim Khasawneh dan Majelis Ulama Indonesia (MUI) bahawa penggunaannya diharuskan dengan syarat plasenta diambil daripada haiwan yang halal dimakan dan disembelih mengikut syarak (Abdullah & Ahmad, 2018).

Kajian Nordin & Wan Mohamed Radzi (2021) menjelaskan, penentuan status halal bagi produk kosmetik menurut perspektif Syariah menitikberatkan beberapa aspek utama yang merangkumi sumber, kaedah pemprosesan, tahap keselamatan, serta pertimbangan etika. Asal sesuatu sumber memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa setiap kandungan yang digunakan adalah bebas daripada unsur yang haram seperti daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak atau khinzir. Selain itu menerusi kajian Mustapha & Junoh (2022) membahaskan terdapat pandangan hukum syarak dalam kosmetik semasa seperti penggunaan anggota dan unsur daripada haiwan, penggunaan anggota dan unsur daripada manusia serta penggunaan alkohol. Isu ini dibincangkan dalam perkara yang diijthadkan oleh para ulama yang mana tidak berlaku secara jelas pada zaman Rasulullah SAW dan ketiadaan dalil. Oleh itu, usaha pihak berautoriti khususnya fatwa, mufti dan para pengkaji akan merungkai permasalahan hukum semasa bagi produk kosmetik.

Nor et al., (2019) menjelaskan penggunaan kosmetik dari perspektif maqasid syariah bukanlah perkara yang darurat namun ianya berfungsi untuk kecantikan dan tampil bergaya. Secara asasnya, penggunaan kosmetik adalah harus dalam syariah selagi mana tiada dalil pengharamannya. Walaubagaimanapun, penggunaan kosmetik kepada wanita perlulah menepati hukum syarak seperti yang disepakati oleh beberapa fuqaha kontemporari seperti Yusuf Al-Qaradawi. Selain itu, terdapat satu kajian barat telah membincangkan bahawa, produk kosmetik halal sekiranya tidak mengandungi bahan-bahan yang haram. Produk kosmetik yang digunakan

perlu memenuhi beberapa prinsip fiqh iaitu kandungan bahan, proses pembuatan dan keselamatan (Khasanah et al., 2025).

Menerusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan tentang hukum penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain daripada anjing dan babi untuk tujuan kosmetik jika produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan adalah halal, tetapi sekiranya ianya mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam. Namun sekiranya bahan tersebut najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memudaratkan maka ianya haram (<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/>, n.d).

Selain itu, pemilihan dan penggunaan produk kosmetik perlulah menepati prinsip halalan tayyiban sebagaimana telah ditegaskan dalam kitab *al-halal wa al-haram fi al-islam* (Al-Qaradhawi, 1985), berkenaan dengan 11 garis panduan dalam memilih sesuatu produk makanan atau kosmetik sebagai halal iaitu;

- i. Penentuan halal-haram adalah hak mutlak Allah semata
- ii. Mengharamkan yang halal dan sebaliknya merupakan kesyirikan
- iii. Perkara haram akan menimbulkan keburukan dan mudarat
- iv. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram
- v. Perantara menuju keharaman adalah haram
- vi. Bersiasat terhadap yang haram adalah haram
- vii. Niat baik tidak menghalalkan yang haram
- viii. Jauhilah syubhah agar tidak terjatuh dalam perkara haram
- ix. Yang haram berlaku untuk semua orang
- x. Darurat membolehkan yang terlarang.

Oleh itu, garis panduan hendaklah dijadikan panduan kepada pengguna Muslim terutama wanita yang mana dapat memudahkan mereka untuk memilih produk kosmetik halal dengan meneliti prinsip yang telah digariskan.

Di samping itu, dalam konteks kosmetik terutama bagi wanita adalah diharuskan bagi tujuan untuk memperelokkan diri terhadap mahram mereka sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabari, dari isteri Abu Ishak telah bertanya kepada Saidatina Aisyah r.a; *'Bagaimana perempuan yang menghias mukanya untuk kepentingan suaminya? Maka Aisyah r.a menjawab: Hilang segala keburukan yang ada pada kamu sebaik mungkin'* (Hadis Ibnu Mas'uud) (Al-Qaradhawi, Y. (n.d). Kajian ini disokong oleh Sajuri et al., (2006) dimana dalam konteks berhias diri, perlu dikenal pasti dalam beberapa perkara iaitu, bahan yang digunakan bebas daripada unsur yang meragukan, bahan yang digunakan tidak memudaratkan, tidak berlebihan-lebih sehingga mengubah ciptaan Allah SWT serta berhias hendaklah dengan niat yang betul.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini secara konseptual telah menghuraikan keprihatinan dan pengetahuan wanita Muslim terhadap pematuhan syariah dalam penggunaan produk kosmetik halal. Hasil analisis literatur menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan kesedaran terhadap produk halal, masih wujud jurang dari segi pengetahuan

mendalam berkaitan kandungan, proses penghasilan, dan pensijilan produk kosmetik. Hal ini menyebabkan sesetengah wanita Muslim bergantung kepada label “halal” tanpa memahami sepenuhnya syarat-syarat yang menjadikan sesuatu produk itu berlandaskan hukum syarak. Di samping itu, artikel ini menunjukkan bahawa penggunaan kosmetik dari sudut hukum syariah adalah harus dengan syarat tidak mengandungi bahan haram, tidak memudaratkan, dan tidak menyalahi prinsip-prinsip etika Islam.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan serta pembiayaan yang telah diberikan, dan seterusnya mengucapkan penghargaan kepada seluruh pihak yang terlibat dalam penulisan artikel ini.

Sumbangan Pengarang

Baharum, N. B. dan Manshor, R., terlibat secara kolektif dalam setiap peringkat penghasilan artikel ini, termasuk penyediaan pengenalan, perbincangan dan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, serta penyuntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ab Hamid, N. & Hassim, M. H. (2019). Pengguna dan kosmetik halal: Perspektif syariah. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS): Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)*, 17–29.
- Abd Rahman, R. A. & Zakaria, Z. (2019a). Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard MS2200 Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri. Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur: Implementation of Halal Cosmetic Standard: Malaysian Standard MS2200-1: 2008-Islami. *Journal of Shariah Law Research*, 4(2), 137–158.
- Abd Rahman, R. A. & Zakaria, Z. (2019b). Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard MS2200 Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri. Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur: Implementation of Halal Cosmetic Standard: Malaysian Standard MS2200-1: 2008-Islami. *Journal of Shariah Law Research*, 4(2), 137–158.
- Abdullah, S. M. & Ahmad, C. M. (2018). Hukum penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(2), 1–10.

- Ambo, N. I. & Sapir, A. S. M. (2020). Tahap Pengetahuan Kosmetik Halal Dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Di Universiti Malaya. *Jurnal Ilmi*, 10(1), 65–101.
- Baharum, N. B., Awang, M. D., Arshad, S., & Abd Gani, S. S. (2020). A Study Of Literatures: Status Of Alcohol In Cosmetics Products From Shariah Views In Malaysia. *KnE Social Sciences*, 379–393.
- Cresswell, J. (2013). Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches.
- Dwicesaria, M. A., Safithri, M., Andrianto, D. & Purwanto, U. M. S. (2024). Halal Enzymatic Cosmetic Ingredients: The Role Of Enzymes In Ingredients Selection. *Halal Studies and Society*, 1(1), 16–19.
- Hashim, P. & Mat Hashim, D. (2013). A Review Of Cosmetic And Personal Care Products: Halal Perspective And Detection Of Ingredient. *Pertanika Journals of Science and Technology*, 21(2), 281–292.
- Idaman, N., Fasa, M. I. & Putri, S. L. (2024). The influence of religious beliefs on halal purchase intention in non-muslim customers. *Journal of Halal Research, Policy, and Industry*, 3(1), 16–23.
- Isa, R. M., Nordin, F. N. M., Man, S. & Rahman, N. N. A. (2023). Pertimbangan Antara Mudarat dan Manfaat Dalam Penggunaan Produk Kecantikan: Considerations Between Harms and Benefits in the Use of Beauty Products. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 123–153.
- Khasanah, E., As'ad, A. & Mustajib, A. B. (2025). Tinjauan Kehalalan Produk Kosmetika dalam Konteks Masailul Fiqhiyah di Era Modern. *Jurnal El-Thawalib*, 6(1), 42–56.
- Mustapha, A. M., & Junoh, N. (2022). Analisis Pandangan Hukum Menurut Ulama Kontemporari Dalam Isu Kepenggunaan Berkaitan Kosmetik: Analysis Of Islamic Law Views According To Contemporary Islamic Scholars On Consumer Issues Related To Cosmetics. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2-SE), 166–183.
- Nor, N. M., Zaid, S. H. M., Shamsuddin, M. M. J. & Jamaludin, M. A. (2019). Analysis Of Allantoin Sources From Shariah Perspective In Cosmetic Product: Analisis Hukum Ramuan Allantoin Dalam Produk Kosmetik. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 15(1), 23–37.
- Nordin, F. N. & Wan Mohamed Radzi, C. W. J. (2021). Religion and Cosmetics: Guidelines for Preparing Products Aimed at the Muslim World Based on the Interpretation of Halal Cosmetics in Malaysia. *Journal of Cosmetic Science*, 72(2).
- Omar, S. A., Hamdan, N., Adaha, N. M. A. & Madzalan, J. (2022). Halal Cosmetics Awareness Among Muslim Youths In Sarawak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2-SE), 154–165.
- Rahayu, A. & Isa, M. (2023). Analysis Of The Influence Of Knowledge, Religion, And Subjective Norm On Attitude Of Muslim Youth In Purchasing Intention To Halal Cosmetic Products (Case Study In Solo Raya). *Management Studies and Entrepreneurship Journal*, 4(4), 3568–3579.
- Sajuri, N., Syariah, C. & Malaysia, J. K. I. (2006). Suntikan kosmetik Botox menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 19, 153–166.

- Tajuddin, E., Abd Rashid, N. R., Asuhaimi, F. A., Sani, M. S. A., & Jamaludin, M. A. (2023). Global Halal Cosmetics Standards: Requirements and Issues. *Journal of Halal Industry & Services*, 6(1).
- Zahari, A. F. (2022). Tuntutan Berlebihan Dalam Pengiklanan Produk Kosmetik Serta Panduannya Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah. *Jurnal Hadhari*, 14(1), 31–52.
- Zakaria, N. H., Busu, Z. M., Nordin, B., Yusuf, N. & Ahmad, M. M. A. (2022). Halal cosmetic products: Analysis of the level of understanding and awareness among Uitm Cawangan Kelantan Staff. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 1131–1145.